

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan **DUA** soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap soalan tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. IKATKAN jawapan Bahagian A dengan jawapan Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan setiap soalan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan yang ditanyakan.

BAHAGIAN A [60 markah]

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Ilmu ekonomi Islam perlu mempunyai metodologinya sendiri kerana Islam menolak pandangan metodologi tradisional tentang manusia. Huraikan secara ringkas EMPAT pandangan tradisional tentang manusia yang dipertikaikan oleh Islam.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(8 markah)

2. Dalam metodologi ekonomi Islam al-Quran dan al-Sunnah menjadi panduan dari segi menggariskan prinsip-prinsip umum. Jelaskan bagaimana ia digunakan bagi menerima atau menolak sesuatu teori.

(5 markah)

3. Sebutkan LIMA syarat ekonomi bagi mencapai *al-falah*.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(v) _____

(5 markah)

4. Huraikan secara ringkas konsep-konsep berikut yang berkait dengan keimanan dalam Islam.

(i) Asas keimanan: _____

(ii) Ihsan: _____

(iii) Peranan akhirat: _____

(6 markah)

5. Jelaskan secara ringkas konsep-konsep berikut yang menjadi unsur kepada prinsip kesepaduan dalam ekonomi Islam.

(i) Rezeki: _____

(ii) Hak pemilikan: _____

...5/-

(iii) Keadilan ekonomi: _____

(6 markah)

6. Sistem ekonomi Islam berbeza pandangan dengan sistem-sistem ekonomi yang lain dalam aspek-aspek berikut. Huraikan setiap aspek itu secara ringkas.

(i) Kedudukan dan tanggungjawab manusia: _____

(ii) al-Quran dan Sunnah sebagai panduan: _____

(iii) Hubungan sesama manusia: _____

(iv) Penubuhan negara dan peranannya: _____

(v) Peranan syari'at dan sistem nilai: _____

(5 markah)

...6/-

7. Pengeluaran dalam Islam bertujuan untuk memperbaiki keadaan kebendaan dan moral insan supaya manusia boleh mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Sebutkan TIGA implikasi yang timbul daripada hakikat ini.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

8. Siddiqi menggariskan beberapa objektif firma dalam Islam. Sebutkan EMPAT daripadanya.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(4 markah)

9. Antara prinsip-prinsip perbelanjaan awam yang digariskan oleh Umer Chapra adalah:

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(v) _____

(5 markah)

10. Menurut pandangan Umer Chapra perbelanjaan awam hendaklah digunakan untuk mencapai pembangunan material. Khususnya beliau telah menyenaraikan ENAM perkara yang termasuk dalam konsep pembangunan material yang perlu disediakan melalui perbelanjaan awam. Apakah perkara-perkara tersebut?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(v) _____

(vi) _____

(6 markah)

11. Senaraikan EMPAT daripada prinsip pengagihan Zakat.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(4 markah)

12. Khalifah Umar Ibn Khattab (r. a) telah menggariskan TIGA prinsip penting untuk menjamin keadilan dalam pengagihan hasil pungutan zakat. Apakah prinsip-prinsip itu?

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja. Gunakan kertas jawapan peperiksaan yang disediakan untuk menjawab bahagian ini.

13. Islam mengkritik konsep rasionaliti ekonomi barat kerana beberapa pandangannya yang bercanggah dengan fahaman Islam.

(a) Huraikan makna rasionaliti ekonomi Islam dengan membincangkan konsep kejayaan, skala ufuk masa, konsep kekayaan, konsep barangan dan etika penggunaan menurut pandangan ekonomi Islam.

(10 markah)

(b) Bincangkan bagaimana seorang pengguna Muslim menggunakan perbelanjaannya untuk mengoptimumkan utilitinya. Huraian anda hendaklah mengaitkan penggunaan Muslim itu dengan dosa dan pahala.

(10 markah)

14. Dalam Islam, konsep keadilan pengagihan dalam perbelanjaan awam menjangkau lebih daripada dimensi moral dan material.

(a) Keadilan apakah lagi yang dimaksudkan oleh kenyataan tadi? Apakah punca yang menyebabkan perbelanjaan awam di kebanyakan negara Islam tidak cekap? Bincangkan dalam konteks prinsip-prinsip perbelanjaan awam yang digariskan oleh Umer Chapra.

(10 markah)

(b) Keutamaan perbelanjaan awam dalam Islam adalah berlandaskan konsep *maqasid al-syari'ah* yang tersusun mengikut konsep *daruriyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Bincangkan konsep-konsep ini dalam konteks lima keperluan asas yang ingin dilindungi oleh Islam melalui *maqasid al-syari'ah* atau objektif syari'ah itu.

(10 markah)

15. Apabila ekonomi Islam menolak teori pasaran ekonomi konvensional, ia bukan bermakna Islam menolak konsep pasaran itu sama sekali, kerana pasaran mempunyai peranan yang penting dalam ekonomi Islam.

(a) Bagaimanakah pandangan Islam tentang mekanisme pasaran, sistem harga dan tangan tak tampak yang menjadi pegangan ekonomi barat? Bincangkan secara ringkas.

(8 markah)

(b) Bincangkan ciri-ciri utama yang membezakan konsep “permintaan berkesan” daripada konsep “keperluan berkesan.” Apakah benar pelaksanaan konsep keperluan berkesan dan konsep penawaran berasaskan kapasiti potensi dapat memberikan keputusan pasaran yang lebih baik daripada kaedah yang lazim? Bagaimana? Terangkan.

(12 markah)